

Peribahasa

- 1 Ali seorang pelajar yang bijak. Dia telah menerima Anugerah Pelajar Cemerlang Tahun 2022 di sekolahnya.

- 2 Ayah Wei Min sering berpesan kepadanya *untuk* berfikir dengan teliti sebelum melakukan sesuatu supaya tidak menyesal di kemudian hari.

- 3 Apabila Mayuri melancong ke luar negara, dia harus mengikut adat dan peraturan di tempat tersebut.

- 4 Arif sentiasa berkelakuan baik demi menjaga maruah dan nama baiknya.

- 5 Sam berbincang dengan ahli kumpulannya sebelum melaksanakan projek itu.

Peribahasa

- 6 Puan Munaimah menyesal kerana tidak mengajar anaknya dengan betul semasa anaknya masih kecil. Sekarang, anaknya telah ditahan polis kerana mencuri dan menghisap dadah.

- 7 Jason bekerja sebagai pengawal keselamatan. Dia dan keluarganya perlu berjimat cermat kerana gaji Jason hanya cukup untuk bertahan selama sebulan.

- 8 Encik Tan telah bekerja di Amerika Syarikat selama 2 tahun. Dia akhirnya membuat keputusan untuk kembali ke Malaysia untuk bekerja kerana dia merindui keluarga dan rakan-rakannya.

- 9 Sejak zaman persekolahan Ali, dia sentiasa melihat ayahnya membantu ibunya membuat kerja-kerja rumah. Setelah Ali berkahwin, dia mengikut jejak langkah ayahnya.

- 10 Muthu mengagumi jirannya yang bekerja siang dan malam membesarkan dua anaknya yang kurang upaya.

Perib^ahasa

Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna

Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat

Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang

Bagaimana acuan, begitulah kuihnya

Yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang

Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul

Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung

Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik
di negeri sendiri

Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati
meninggalkan nama

Melentur buluh biarlah dari rebungunya

